



HUBUNGAN TALAQQI MUSYAFAHAH DENGAN BACAAN AL-QURAN DAN QIRAAT PELAJAR INSTITUSI TAHFIZ DI NEGERI PERAK

[**CORRELATION BETWEEN TALAQQI MUSYAFAHAH AND THE READING OF THE QUR'AN AND QIRAAT OF THE TAHFIZ INSTITUTION IN THE PERAK STATE]**

MOHD ZAINI SHAFIAI¹ & MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM^{2*}

¹ Calon Siswazah, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA. e-mel: zainor93@gmail.com

^{2*} Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA. e-Mail: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

Received: 29 March 2021

Accepted: 22 May 2021

Published: 30 June 2021

Abstrak: Objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelaksanaan *talaqqi musyafahah* dalam pembelajaran al-Quran dan Qiraat serta tahap penguasaan bacaan pelajar di institusi tahniz al-Quran Negeri Perak. Maklumat kajian diperolehi melalui kaedah kuantitatif, melibatkan 260 orang pelajar yang dipilih secara rawak berstrata. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data terdiri daripada satu set soal selidik, ujian *Tahriri* dan *Syafawi* yang telah disahkan kandungannya oleh pakar perujuk. Data kajian soal selidik yang dikumpul, dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS selain itu bagi ujian *Qiraat tahriri* dan *syafawi* penyelidik menggunakan triangulasi antara pemeriksa (*inter-rater reliability*). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *talaqqi musyafahah* berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.58 sp=0.81). Dapatkan kajian inferensi hasil analisis korelasi *pearson talaqqi musyafahah* mempunyai hubungan yang tinggi (min=4.28, sp.=0.52). Ini membuktikan *talaqqi musyafahah* penting dalam pembelajaran al-Quran dan Qiraat. Implikasi daripada kajian menunjukkan *talaqqi musyafahah* dapat meningkatkan penguasaan bacaan al Quran dan Qiraat pelajar.

Kata Kunci: *Talaqqi musyafahah*, al-Quran dan Qiraat, penguasaan bacaan pelajar.

Abstract: The objective of this study aims to identify the relationship of Talaqqi Musyafahah in the learning of al-Quran and Qiraat on the recitation by tahniz institutions students in Perak. Information was obtained through quantitative methods, involved 260 randomly selected students. A set of questionnaires, tahriri and syafawi test have been to collect the data, approved by referral experts. Questionnaire survey data were collected, processed using SPSS software and for the test of Qiraat tahriri and syafawi researchers used triangulation method for examiner (inter-rater reliability). The findings of the study showed that the implementation of talaqqi musyafahah was at a moderately high level (mean 3.58 sp = 0.81). The findings of the inferential study of the results of the correlation analysis of pearson talaqqi musyafah have a high relationship (mean = 4.28, sp. = 0.52). This proves that talaqqi musyafah is important in the study of the Qur'an and Qiraat. Implications from the study show that talaqqi musyafahah can improve students' mastery of Quran and Qiraat recitation.

Keywords: *Talaqqi musyafahah*, al-Quran and Qiraat, student recitation mastery

Cite This Article:

Mohd Zaini Shafiai & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2021). Hubungan *talaqqi musyafahah* dengan bacaan al-quran dan qiraat pelajar institusi tafhiz di Negeri Perak [Correlation between *talaqqi musyafahah* and the reading of the qur'an and qiraat of the tafhiz institution in the Perak State]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 1(2), 30-42.

PENGENALAN

Talaqqi musyafahah merupakan amalan pembelajaran al-Quran dan Qiraat yang diwarisi sejak awal penurunan al-Quran. Pembelajaran al-Quran dan Qiraat telah berlaku sejak penurunan ayat pertama yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW sendiri dan pelaksanaannya melalui cara *talaqqi* dan *musyafahah*, iaitu mengikut sebutan yang disebut oleh Nabi Muhammad SAW yang diambil dari Malaikat Jibril AS dan diteruskan hingga ke hari ini (Ahmad Saad. 2013). Di institusi tafhiz al-Quran Negeri Perak, *talaqqi* dan *musyafahah* masih diamalkan dalam pembelajaran al-Quran dan Qiraat. Kemenjadian pelajar dalam pembelajaran al-quran dan Qiraat, dirancang melalui penetapan dan penyusunan objektif pembelajaran secara bertahap dan berterusan. Menurut Norashikin et.al (2015) perancangan pengajaran dan pembelajaran bermaksud pemahaman guru tentang apa yang harus diajar dan bagaimana pengajaran perlu dilakukan dengan mengambil kira kesesuaian pelajar dan keperluan isi kandungan bidang tersebut.

TALAQQI DAN MUSYAFAHAH

Talaqqi bermaksud satu kaedah pertemuan pembelajaran al-Quran antara guru dan murid secara bersemuka. Guru memberikan contoh bacaan kepada pelajar, kemudian pelajar mengikut contoh bacaan guru secara beramai-ramai, kumpulan atau individu (Zakariyya Ibn Muhammad. 2002). Guru meneliti bacaan pelajar sehingga bacaan pelajar fasih dan lancar. *Mushafahah* pula ialah guru memberikan contoh bacaan kepada pelajar secara individu dan pelajar mengikut bacaan guru (al-Majidi, 2004). Kaedah *Talaqqi* dan *Musyafahah* ini, disebut di dalam al-Quran. Firman Allah SWT (Surah al-Qiyamah 75:16 &17).

لَا تُخَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَةُ وَفُرَانُهُ.

Yang bermaksud: Janganlah Engkau (wahai Muhammad SAW) kerana hendakkan cepat mengingat al-Quran yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). (Tafsir Pimpinan ar-Rahman. 2001)

Selain itu, firman Allah SWT (Surah al-Naml. 27:6)

وَإِنَّكَ لَتَلْفُّ الْقُرْآنَ مِنْ لُدْنٍ حَكِيمٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad SAW) bertalaqqi, menyambut dan menerima Al-Quran dari sisi Allah SWT yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui. (Tafsir Pimpinan ar-Rahman. 2001)

Dasar utama pembelajaran al-Quran dan Qiraat melalui *Talaqqi* dan *Musyafahah* telah dinukilkan dalam matan *Toyyibat al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr* (Ibn al-Jazariyy. 1994):

فَكُنْ عَلَى نَهْجِ سَبِيلِ السَّلْفِ # فِي مَجْمَعِ عَلَيْهِ أَوْ مُخْتَلِفِ

Ibn al-Jazariyy (1994) menyatakan *Talaqqi Musyafahah* akan menghasilkan hasil pembelajaran yang sempurna selaras dengan matlamat dan objektif yang telah dinyatakan. Bacaan al-Quran dan Qiraat adalah *tauqifiyyah* iaitu diajar oleh Nabi Muhammad SAW sendiri dan pelaksanaannya melalui cara *Talaqqi Musyafahah*, iaitu mengikut sebutan yang disebut oleh Nabi Muhammad SAW yang diambil dari Malaikat Jibril AS (Ibn al-Jazariyy. 1994). Dalam memastikan al-Quran dan Qiraat disebut dengan tepat ketika membacanya, Allah memerintahkan agar setiap kali Baginda Nabi SAW membaca al-Quran mestilah mengikut sebagaimana yang dibacakan. Firman Allah SWT (Surah al-Qiyamah. 75:18).

فِإِذَا قَرِئَتِهِ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ. ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيِّنَاهُ

Yang bermaksud: Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril AS), maka bacalah menurut bacaannya yang dibacakan itu. Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). (Tafsir Pimpinan ar-Rahman. 2001)

Menurut Abdul Jalal (2013), terdapat dua cara pengambilan al-Quran dan Qiraat melalui *talaqqi* dan *musyafahah* iaitu:

- Mutaqaddimin*

Guru membacakan bacaan al-Quran berdasarkan Ilmu Qiraat kepada pelajar sambil pelajar mendengar dan meneliti bacaan guru tersebut.

- Mutakhhirin*

Pelajar membacakan bacaan al-Quran berdasarkan Ilmu Qiraat di hadapan gurunya sambil guru mendengar lalu menyemak bacaan pelajar tersebut dan membetulkannya sekiranya terdapat kesalahan. Kaedah ini *masyhur* dan banyak digunakan masa kini.

Proses *talaqqi musyafahah* amat penting bagi membolehkan pembaca al-Quran dan Qiraat mendapat sanad yang sahih bagi memastikan bacaan yang tepat dan betul sebagaimana bacaan Rasulullah SAW (Abdul Jalal. 2013). Kaedah pembelajaran al-Quran dan Qiraat ini terus diguna pakai pada zaman Sahabat, *Tabii'n* dan seterusnya. Walaupun berlaku penambahan kaedah dalam pembelajaran al-Quran dan Qiraat, namun asasnya adalah seperti yang dilakukan pada zaman Rasulullah SAW.

Melalui *talaqqi musyafahah*, pembelajaran al-Quran dan Qiraat mestilah mengikut martabat atau tingkatan bacaan yang betul supaya tidak berlaku kesalahan baris, huruf, sebutan atau lain-lain yang berkaitan dengan pembacaan al-Quran. Ibn al-Jazariyy (1994) telah menyebut dalam *Toyyibat al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*:

ويفرأ القرآن بالتحقيق مع
حضر وتنوير وكل متبع

Ibn al-Jazariyy (1994) telas menggariskan tiga martabat atau tingkatan bacaan iaitu:

- a. *Al-Tahqiq*.
- b. *Al-Hadr*.
- c. *Al-Tadwir*.

Tingkatan bacaan *al-Tahqiq* adalah bacaan yang perlahan dan lambat agar dapat memberi hak-hak huruf dan baris tanpa menambah atau mengurang sedikit pun hak-hak tersebut seperti menepati kadar *mad* dan dengung, membetulkan *makhraj* dan sifat dan sebagainya. Tingkatan bacaan *al-Hadr* pula adalah bacaan yang laju dan cepat namun memelihara dan menjaga segala hukum-hukum tajwid. Manakala Tingkatan bacaan *al-Tadwir* adalah bacaan yang sederhana dan pertengahan di antara bacaan *al-Tahqiq* dan *al-Hadr* (Al-Jazariyy. 1994).

Selain itu *talaqqi musyafahah* dapat memastikan bacaan al-Quran dan Qiraat dilaksanakan secara bertajwid. Ibn al-Jazariyy (1994) telah menyebut dalam *Toyyibat al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*:

والأخذ بالتجويد حتم لازم
من لم يوجد القرآن آثم

Ibn al-Jazariyy (1994) menyatakan dalam proses *talaqqi musyafahah*, membaca dengan hukum-hukum tajwid merupakan fardu ain bagi setiap umat Islam yang ingin membaca al-Quran dan Qiraat. Tajwid dapat memelihara lidahnya daripada tersalah ketika menyebut ayat-ayat al-Quran (Ibn al-Jazariyy. 1994). Sekiranya seseorang membaca al-Quran tanpa bertajwid dikira berdosa kerana menyalahi al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W secara tajwid yang sempurna dan *fasih* dengan sanad yang sahih. Jelasnya bacaan al-Quran dan Qiraat yang tepat serta memenuhi syarat adalah melalui proses pembelajaran secara *talaqqi* dan *musyafahah*.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti pelaksanaan *talaqqi* dan *musyafahah* yang berlaku di institusi tahniz al-Quran Negeri Perak
2. Mengenal pasti tahap penguasaan bacaan al-Quran dan Qiraat pelajar di institusi tahniz al-Quran Negeri Perak.
3. Menentukan hubungan *talaqqi* dan *musyafahah* dengan penguasaan bacaan pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif dan inferensi. Jumlah populasi kajian sebenar seramai 669 orang pelajar. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data terdiri daripada satu set soal selidik, ujian *Tahriri* dan *Syafawi* yang telah disahkan kandungannya oleh pakar perujuk. Data kajian soal selidik yang dikumpul, diproses dengan menggunakan perisian SPSS dan bagi ujian Qiraat *Tahriri* dan *Syafawi* penyelidik menggunakan triangulasi antara pemeriksa (*inter-rater reliability*). Kesemua institusi tahniz yang terlibat dengan kajian ini, merupakan institusi yang menawarkan pembelajaran al-Quran dan Qiraat kepada pelajar. Sampel kajian dipilih secara rawak berstrata iaitu sejumlah 260 orang pelajar daripada keseluruhan populasi. Pemilihan sampel ini dilakukan kerana mewakili semua ciri yang sama dan mencukupi untuk saiz sampel yang diperlukan menurut penentuan sampel kajian Krejcie & Morgan (1970). Berdasarkan jadual Krejcie & Morgan, jumlah sampel 260 dipilih oleh pengkaji adalah melebihi daripada jumlah yang dicadangkan bagi populasi kajian seramai 669 orang. Taburan sampel kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Taburan Jumlah Keseluruhan Pelajar Al-Quran dan Qiraat di Institusi Tahniz Al-Quran Negeri Perak

Bil	Institusi Pengajian	Sampel Pelajar
1.	JAKIM	112
2.	Sekolah Menengah Tahniz Darul Ridzuan (SMTDR)	108
3.	Tahniz Modul Ulul Albab (TMUA) (KPM)	115
4.	Institut Tahniz Swasta Persendirian	334
	JUMLAH	669

*Data ini bersumberkan bilangan pelajar yang mengikuti pembelajaran al-Quran dan Qiraat di setiap institusi tahniz Negeri Perak tahun 2021.

Bagi menentukan kesahan dalaman, soal selidik yang dibina telah dirujuk kepada beberapa orang yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang al-Quran dan Qiraat. Sementara itu kebolehpercayaan instrumen soal selidik (soal selidik) yang dijalankan mempunyai kebolehpercayaan sangat tinggi dengan nilai *Cronbach Alpha* antara 0.718-1.00.

Nilai *Cronbach Alpha* bagi soal selidik berada pada tahap yang tinggi iaitu 0.90. Menurut Chua (2003) kebanyakan pengkaji menganggap nilai alpha yang melebihi 0.80 mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima sebagai instrumen kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian *talaqqi* dan *musyafahaah* yang berlaku di institusi Tahfiz al-Quran Negeri Perak, dianalisis daripada beberapa item dalam soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Dapatkan kajian menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap *talaqqi* dan *musyafahaah* dan dinilai melalui 7 item. Bagi menjelaskan lagi huraian analisis taburan *talaqqi* dan *musyafahaah* dalam pembelajaran al-Quran dan Qiraat dimulai dengan perkara seperti berikut:

1. Talaqqi Bacaan Secara Individu dengan Guru.

Talaqqi merupakan kaedah utama dalam pembelajaran Ilmu Qiraat. Cara yang terbaik adalah *talaqqi* secara individu dengan guru. Dapatkan kajian menunjukkan 19.62% (51 orang) sangat bersetuju diikuti dengan 45.77% (119 orang) setuju. 23.46% (61 orang) yang kurang setuju, diikuti 8.46% (22 orang) tidak bersetuju dan hanya 2.69% (7 orang) sahaja yang sangat tidak bersetuju. Gambaran sebenar adalah seperti di dalam jadual 2.

Jadual 2: *Talaqqi* dan *Musyafahah* bacaan secara individu dengan Guru

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Setuju	51	19.62
Setuju	119	45.77
Kurang Setuju	61	23.46
Tidak Setuju	22	8.46
Sangat Tidak Setuju	7	2.69
Jumlah	260	100

2. Membaca Al-Quran Sehingga Selesai Semua Perbezaan Qiraat

Setiap pelajar akan akan mengulangi bacaan al-Quran sehingga selesai semua perbezaan Qiraat yang ada pada ayat tersebut. Cara amalan begini, walaupun tiada berlaku pada zaman Rasulullah SAW, namun masih menepati konsep *Talaqqi* dan *Musyafahah*. Dapatkan kajian menunjukkan 28.85% (75 orang) sangat bersetuju diikuti dengan 45.77% (119 orang) setuju. Hanya 18.46% (48 orang) yang kurang setuju, diikuti 5.00% (13 orang) tidak bersetuju dan hanya 1.92% (5 orang) sahaja yang sangat tidak bersetuju. Ini dapat memberi gambaran bahawa amalan *talaqqi* dan *musyafahah* berlaku dengan baik di dalam kelas seperti di dalam jadual 3. Jadual 3: Membaca Al-Quran Sehingga Selesai Semua Perbezaan Qiraat.

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Setuju	75	28.85
Setuju	119	45.77
Kurang Setuju	48	18.46
Tidak Setuju	13	5.00
Sangat Tidak Setuju	5	1.92
Jumlah	260	100

3. Membaca Al-Quran Secara Tertib Mengikut Susunan Surah

Memulakan bacaan al-Quran mengikut susunan tertib surah juga merupakan amalan yang biasa di institusi tahfiz al-Quran Negeri Perak. Dapatan kajian soal selidik memdapati 23.46% (61orang) sangat setuju diikuti 46.92% (122 orang) setuju. Terdapat 18.85% (49 orang) kurang setuju. Hanya 8.55% (23 orang) yang tidak setuju dan 1.92% (5 orang) yang sangat tidak setuju. Gambaran sebenar dapat dilihat.

Jadual 4: Membaca Al-Quran Secara Tertib Mengikut Susunan Surah

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Setuju	61	23.46
Setuju	122	46.92
Kurang Setuju	49	18.85
Tidak Setuju	23	8.85
Sangat Tidak Setuju	5	1.92
Jumlah	260	100

4. Mendengar Terlebih Dahulu Bacaan Guru Sebelum Membaca Al-Quran

Pembelajaran al-Quran dan Qiraat yang terbaik adalah pelajar mendengar terlebih dahulu bacaan guru sebelum membaca bacaan al-Quran. Nabi S.A.W juga pernah ditegur agar tidak menganggkat lidahnya sebelum habis al-Quran dibaca oleh Malaikat Jibril A.S. Dapatan kajian menunjukkan 34.23% (89 orang) sangat setuju, diikuti 45.38% (118 orang) setuju. Seramai 735 orang (14.46%) kurang setuju dengan kenyataan tersebut, diikuti 4.23% (11 orang) yang tidak setuju dan 2.69% (7 orang) yang sangat tidak setuju. Jadual 5 menunjukkan keadaan sebenar.

Jadual 5: Mendengar Terlebih Dahulu Bacaan Guru Sebelum Membaca Bacaan Al-Quran.

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Setuju	89	34.23
Setuju	118	45.38
Kurang Setuju	35	14.46
Tidak Setuju	11	4.23
Sangat Tidak Setuju	7	2.69
Jumlah	260	100

5: Membaca Al-Quran Mengikut Susunan Imam Berdasarkan Matan *Syatibiyy*

Imam *Syatibiyy* telah menyusun imam dan rawi dan diikuti Imam Jazariyy dalam matan *ad-Durrah* dan matan *Toyyibah*. Kedudukan imam dan rawi. walaupun susunan ini tidak wajib diikuti, namun mengikutinya memudahkan pembelajaran al-Quran dan Qiraat. Dapatan kajian mendapati 11.15% (29 orang) sangat setuju, diikuti 41.54% (108 orang) setuju. Seramai 82 orang (31.54%) kurang setuju dengan kenyataan tersebut, diikuti 9.23% (24 orang) yang tidak setuju dan 6.54% (17 orang) yang sangat tidak setuju. Jadual 6 menunjukkan keadaan sebenar.

Jadual 6: Membaca Al-Quran Mengikut Susunan Imam Berdasarkan Matan *Syatibiyy*

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Setuju	29	11.15
Setuju	108	41.54
Kurang Setuju	82	31.54
Tidak Setuju	24	9.23
Sangat Tidak Setuju	17	6.54
Jumlah	260	100

6: Guru Mengijazahkan Sanad Bagi Bacaan Al-Quran dan Qiraat Tertentu

Sanad bacaan sangat penting dalam pembelajaran al-Quran dan Qiraat secara *talaqqi* dan *musyafahah*. Dapatan kajian yang dilakukan, menunjukkan 8.46% (22 orang) sangat setuju, diikuti 29.23% (76 orang) setuju. Jumlah mereka yang kurang setuju seramai 70 orang (26.92%), diikuti 13.46% (35 orang) yang tidak setuju dan 21.92% (57 orang) yang sangat tidak setuju. Jadual 7 menunjukkan keadaan sebenar.

Jadual 7: Guru Mengijazahkan Sanad Bagi Bacaan Al-Quran dan Qiraat Tertentu

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Setuju	22	8.46
Setuju	76	29.23
Kurang Setuju	70	26.92
Tidak Setuju	35	13.46
Sangat Tidak Setuju	57	21.92
Jumlah	260	100

7. Sanad Riwayat Hafs An A'sim Bagi Pelajar yang Mengkhatamkan Al-Quran

Bacaan utama rakyat Malaysia adalah riwayat Hafs an A'sim. Sangat wajar, setiap pelajar yang berjaya menamatkan bacaan al-Quran mengikut Qiraat A'sim riwayat Hafs, diberikan sanad bacaan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan peratusan yang tidak tinggi, di mana 14.23% (37 orang) sangat setuju dan 26.54% (69 orang) sahaja yang memilih setuju. Sedangkan jumlah mereka yang kurang setuju seramai 66 orang (25.38%), diikuti 17.69% (46 orang) yang tidak setuju dan 16.15% (42 orang) yang sangat tidak setuju. Jadual 8 menunjukkan keadaan sebenar.

Jadual 8: Sanad Riwayat Hafs An A'sim Bagi Pelajar Yang Mengkhatamkan Al-Quran

Item	Bilangan	Peratus (%)
Sangat Setuju	37	14.23
Setuju	69	26.54
Kurang Setuju	66	25.38
Tidak Setuju	46	17.69
Sangat Tidak Setuju	42	16.15
Jumlah	260	100

Secara keseluruhannya, amalan *talaqqi musyafahah* berjalan dengan baik. Namun masih terdapat beberapa item yang rendah. Dapatan keseluruhan kajian bagi *talaqqi musyafahah* berada pada tahap sederhana tinggi (min 3.58 sp sp= .81) seperti dalam jadual 9.

Jadual 9: Rumusan Item-Item *Talaqqi Musyafahah*

Bil	Item	Sangat Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju		Min	S.p	Interpretasi
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%			
1	1	7	2.69	22	8.46	61	23.46	119	45.77	51	19.62	3.71	.96	Sederhana tinggi
2	2	5	1.92	13	5.00	48	18.46	119	45.77	75	28.85	3.95	.92	Sederhana tinggi
3	3	5	1.92	23	8.85	49	18.85	122	46.92	61	23.46	3.81	.95	Sederhana tinggi
4	4	7	2.69	11	4.23	35	13.46	118	45.38	89	34.23	4.23	2.68	Tinggi
5	5	17	6.54	24	9.23	82	31.54	108	41.54	29	11.15	3.42	1.02	Sederhana tinggi
6	6	57	21.92	35	13.46	70	26.92	76	29.23	22	8.46	2.88	1.27	Sederhana tinggi
7	7	42	16.15	46	17.69	66	25.38	69	26.54	37	14.23	3.05	1.28	Sederhana tinggi
Keseluruhan												3.58	.81	Sederhana Tinggi

a. *Ujian Tahriri*

Dapatan menunjukkan bahawa *Ujian Tahriri* berada dalam keadaan yang baik dimana seramai 12 orang mendapat markah tertinggi adalah 100%. Hanya seorang yang mendapat markah terendah iaiti 35%. Kebanyakkan pelajar mendapat markah antara 60%-90%. Gambaran pencapaian sebenar adalah seperti dalam jadual 10.

Jadual 10: Ujian Tahriri

Markah	Bilangan	Peratus (%)
35.00	1	.4
45.00	1	.4
50.00	7	2.7
55.00	3	1.2
60.00	30	11.5
65.00	13	5.0
70.00	8	3.1
75.00	7	2.7
80.00	33	12.7
85.00	23	8.8
90.00	59	22.7
95.00	62	23.8
96.00	1	.4
100.00	12	4.6
Jumlah	260	100

b. Ujian *Syafawi*

Dapatan Ujian *syafawi* berada dalam keadaan yang baik dimana seramai 25 orang mendapat markah melebihi 80%. Hanya dua orang yang mendapat markah terendah iaiti 50%. Kebanyakkannya pelajar mendapat markah antar 60%-80%. Dapatan bacaan al-Quran dan Qiraat pelajar berada dalam keadaan baik. Data pencapaian sebenar Ujian *Syafawi* seperti jadual 11.

Jadual 11: Ujian *Syafawi*

Markah	Bilangan	Peratus (%)
50.00	2	.8
51.00	5	1.9
53.00	1	.4
54.00	9	3.5
56.00	12	4.6
58.00	2	.8
60.00	34	13.1
62.00	52	20.0
63.00	7	2.7
65.00	50	19.2
67.00	13	5.0
69.00	7	2.7
71.00	15	5.8
73.00	11	4.2
76.00	6	2.3
78.00	9	3.5
80.00	14	5.4
83.00	8	3.1
85.00	2	.8
89.00	1	.4
Jumlah	260	100

Dapatan bagi keseluruhan pencapaian ujian *Tahriri* dan ujian *Syafawi* pelajar menunjukkan tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar berada dalam peratusan yang baik. Markah yang dicapai berada dalam tahap sederhana tinggi. Jadual 12 menunjukkan tahap sebenar bagi ujian *Tahriri* dan ujian *Syafawi*.

Jadual 12: Ujian Qiraat *Tahriri* dan *Syafawi*

Bil	Ujian	Pemboleh Ubah	Statistik
1	<i>Tahriri</i>	Mean	82.3692
		Minimum	35.00
		Maximum	100.00
		Std. Deviation	14.08010
2	<i>Syafawi</i>	Mean	65.6154
		Minimum	50.00
		Maximum	89.00
		Std. Deviation	7.79900

8. Hubungan Antara *Talaqqi Musyafahah* dengan Bacaan Al-Quran dan Qiraat Pelajar

Analisis data secara inferensi melalui ujian korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara proses amalan pembelajaran Ilmu Qiraat dengan pencapaian bacaan al-Quran pelajar. Pencapaian bacaan al-Quran pelajar ini dilihat melalui ujian Qiraat yang dijalankan iaitu Ujian Qiraat Ilmi (*Tahriri*) dan Ujian Qiraat Amali (*Syafawi*). Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan *Talaqqi Musyafahah* dengan bacaan Qiraat pelajar. Jadual 10 menunjukkan adanya hubungan tersebut.

Jadual 13: Dapatkan Kajian Inferensi Hasil Analisis Korelasi Pearson

Pemboleh ubah	r**	Sign. P*	Keputusan
Amalan <i>Talaqqi Musyafahah</i> * Bacaan Qiraat pelajar (Qiraat <i>Tahriri</i> & <i>Syafawi</i>)	4.28	0.52	Terdapat hubungan yang signifikan

** Korelasi adalah sign. pada aras $p<0.01$

*Sign. pada aras $p<0.05$ N=260

KESIMPULAN

Kesimpulan, *talaqqi musyafahah* dalam pengajaran al-Quran dan Qiraat sangat penting bagi menguasai pembacaan al-Quran. Ia berperanan penting dalam memelihara kalam Allah serta tidak boleh dipandang ringan. Kajian-kajian keberkesanan kaedah, model, penilaian dan kualiti murid dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dibuat secara berkala bagi memastikan kerelevanannya semasa dalam bidang al-Quran dan Qiraat. Ia bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam pembelajaran al-Quran dan Qiraat terutama semasa proses *Talaqqi Musyafahah*.

RUJUKAN

- Abdul Jalal Abdul Manaf (2013). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Kalangan Guru Ilmu Qiraat di Malaysia*. Disertasi Sarjana Usuluddin. Universiti Malaya (UM).
- Abu Al-Farah, Syed Lasyin dan Khalid Muhammad al-Hafiz. *Kitab Taqrib al-Maa'ni fi syarhil hirzil Amani fi al-Qiraat al-sab'i*. Dar al-Zaman. Madinatul Munawwarah. 1996.
- al-Ansari, Zakariyya Ibn Muhammad. 2002. *Syarah al-Jazariyyah al-Musamma al-Daqaiq al-Muhkamah fi Syarh al-Muqadimmah*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Ibn al-Jazariyy, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf (1994). *Toyyibat al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Madinah.Makatabah Dar al-Huda.
- al-Majidi, 'Abd al-Salām Muqbil(2004). *Talaqqī al-Nabiyy Alfāz al-Qurān al-Karīm*. Beirut. Mu'assasah al-Risālah Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah,
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study: Application in Educations, Revised and expanded from case study research in education*. San Francisco. Josses-Bass.
- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri & Foo Say Fooi. (2015). Hubungan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar. *International Journal of Education and Training*.
- al-Qadi, Abdul Fatah Abdul Ghani. *Al-Wafi fi Syarh As-Syatibiyyah fi al-Qiraat as-Saba'*. Maktabah Ad-Dar Madinatul Munawwarah. 1995.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. 2001. Kuala Lumpur, Darul Fikir.